



LAWATAN KERJA YB MENTERI HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN KE MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA, SELANGOR



Pada 17 Februari 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin disertai Dato' Noor Ihsan Bin Haji Che Mat, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Subang Jaya. Lawatan ini merupakan siri program turun padang YB Menteri ke Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memahami isu-isu dan pelaksanaan di PBT bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan PBT selaku agensi barisan hadapan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Kunjungan mesra itu bagi meninjau perkembangan pembangunan kawasan itu dan mendengar isu yang berlaku. YB Zuraida turut mencadangkan beberapa perkara antaranya pengasingan sampah dibeberapa kawasan penempatan di Subang Jaya. YB Zuraida turut mengingatkan anggota pentadbiran MPSJ untuk terus berkhidmat kepada rakyat dan sekiranya ia dapat dicapai, negara dapat dibangunkan secara keseluruhannya.

YB Zuraida turut menggalakkan PBT untuk meningkatkan pendapatan kawasan masing masing dan terus berdaya maju. Beliau menggalakkan pentadbiran PBT untuk membantu dan menyumbang idea bagi pembangunan lestari sekaligus menjurus kepada hasrat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Manakala, YB Zuraida turut turun dan menyantuni rakyat di Pangaspuri Seri Mutiara di Putra Heights, Subang Jaya bagi melihat beberapa projek yang diuruskan oleh MPSJ seperti rumah kitar semula, beberapa inisiatif penduduk melakukan mural dinding serta kebun tanaman yang diusahakan sendiri oleh penduduk tersebut.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat